

Manhaj Akidah Imam al-Syafie Dalam Novel *Rimba Jiwa* dan *Qalam Kalbu*

Manhaj of Imam al-Syafie Faith in Rimba Jiwa and Qalam Kalbu

Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi¹ & Kamariah Kamarudin²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
14 SEPTEMBER 2018	30 DISEMBER 2018	09 JANUARI 2019

ABSTRAK

Masalah akidah dalam kalangan masyarakat Islam semakin membimbangkan dan pelbagai kaedah telah digunakan oleh pihak berkuasa dalam menangani masalah berkenaan. Manhaj merupakan cara, kaedah atau peraturan yang jelas dalam melakukan sesuatu perkara. Setiap Muslim memainkan peranan untuk mencari jalan supaya mereka lebih mengenali Allah dan ajaranNya. Imam al-Syafie mempunyai cara yang tersendiri untuk memantapkan akidah dan juga ajaran agama Islam. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti manhaj akidah Imam al-Syafie dan untuk menganalisis manhaj akidah Imam al-Syafie dalam novel *Rimba Jiwa* dan *Qalam Kalbu* karya Sri Rahayu. Dapatan kajian mendapati bahawa kedua-dua novel Sri Rahayu menggunakan manhaj akidah Imam al-Syafie untuk memperlihatkan ciri-ciri seorang Muslim kepada khalayak pembaca.

Kata Kunci: *Manhaj, Imam al-Syafie, novel Rimba Jiwa, novel Qalam Kalbu*

ABSTRACT

The problem with faith in Islam community has become worsen and there are ways that had been done by the authority to overcome this problem. Manhaj is a way, method or rules that are obvious to do for a certain things. Every Muslims play a role to find a way in order for them to know Allah and His teachings. Imam al-Syafie has his own ways in stabilize the faith and also in religious teachings of Islam. The objective of this study is to study the manhaj of Imam al-Syafie faith and to analyze the manhaj of Imam al-Syafie faith in the novel titled Rimba Jiwa and Qalam Kalbu by Sri Rahayu. The analysis that had been done turns out that both novel by Sri Rahayu Mohd Yusop did apply the manhaj of Imam al-Syafie faith to show the characteristics of a Muslim in the audience of readers.

Keywords: *Manhaj, Imam al-Syafie, novel Rimba Jiwa, novel Qalam Kalbu*

Pendahuluan

Dunia kesusasteraan juga tidak dapat lari daripada menjadi satu medium penyampaian dan bahan bacaan yang mampu menyadurkan kebaikan dan garapan tentang ajaran agama Islam itu sendiri. Para penulis juga dituntut supaya menyedari tanggungjawab terpenting dalam arus pemodenan yang bukan sahaja mampu untuk menceritakan khayalan, bahkan menyediakan juga cara untuk merubat permasalahan umat yang semakin parah. Bidang kesusasteraan tidak dapat lari daripada menjadi salah satu saluran untuk menyampaikan ajaran dan penulisan yang bercorak Islami. Hal ini kerana jika dilihat kepada proses penciptaan manusia yang secara fitrahnya dicipta untuk mengenal Allah, mengenal diri sendiri dan mengenal alam

¹ Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi, Universiti Putra Malaysia, merole_91@yahoo.com

² Kamariah Kamarudin, Universiti Putra Malaysia.

sekitar. Selain itu, fitrah juga merujuk kepada kekuatan manusia untuk mengetahui agama yang benar dan Tuhan yang menciptakannya.

Tugas utama manusia ialah sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah Allah di muka bumi. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001), banyak usaha yang dilakukan oleh manusia untuk memenuhi tuntutan kedua-dua tugas tersebut antaranya sebagai khalifah Allah, manusia telah berusaha untuk memenuhi keperluan hidup mereka sehingga lahirnya seni budaya merangkumi seni rupa, seni tari, seni drama dan seni bahasa atau kesusasteraan. Namun dalam kajian ini seni bahasa atau kesusasteraan sahaja yang akan dikupas. Melalui seni tersebut mereka boleh berdakwah dan mengajar masyarakat untuk mengenal Allah dan agama Islam dengan pelbagai cara. Di zaman dunia yang dikuasai oleh teknologi dan maklumat di hujung jari, masyarakat Islam makin terdedah dan dipengaruhi dengan agenda Barat yang semakin menular seantero dunia dan meresap ke dalam jiwa masyarakat Islam.

Kemelut yang melanda masyarakat terutama masyarakat Islam adalah untuk mempertahankan keimanan dek cabaran yang mampu mengganggu gugat keimanan dan keyakinan terhadap Allah S.W.T. Masalah seperti sekularisme, liberalisme dan sebagainya menjadi satu ancaman yang amat berbahaya kepada masyarakat Islam khususnya, dan perlu dihadapi dengan penuh keyakinan dan ditangani dengan berkesan agar tidak terjerumus ke haluan yang berbeza. Justeru, terdapat banyak pendekatan dalam Islam yang diboleh digunapakai dan diaplikasikan dalam kehidupan setiap masyarakat Islam untuk mengelak dari terpedaya dengan masalah sekeliling.

Pendekatan dalam Islam merupakan satu kaedah atau method yang bersesuaian dengan masyarakat Islam supaya dapat membimbing masyarakat muda khususnya agar tidak terus hanyut dibawa arus hawa nafsu yang bermaharajalela di sekeliling. Justeru, pihak berwajib perlu sedar akan cabaran modenisasi tersebut dan perlu untuk membawa bahan bacaan ataupun maklumat yang dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat terutama golongan anak muda yang muda terpedaya dengan maklumat yang bertebaran di laman sosial dan sebagainya. Manhaj berasal dari perkataan Arab yang diambil dari kata dasar *najaha* yang membawa erti jalan yang jelas dan nyata. Manhaj diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dengan perkataan *methodology* yang berasal dari gabungan dua perkataan Yunani iaitu *methodos* yang bermaksud cara dan *logos* yang beerti ilmu. Gabungan dua perkataan tersebut menjadi *methodology* yang membawa maksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian. (Koentjaraningrat: 16)

Novel *Rimba Jiwa* karya Sri Rahayu terbitan Utusan Publication & Distributors pada tahun 2012 dan telah memenangi tempat ketiga bagi kategori Novel Remaja bagi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan-ExxonMobil (HSKU) pada tahun 2011. Novel *Qalam Kalbu* juga karya Sri Rahayu pula diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad pada tahun 2013 dan memenangi tempat kedua bagi kategori Novel dalam Sayembara Penulisan Novel, Cerpen dan Puisi. Kedua-dua novel telah diangkat antara pemenang dalam sayembara dan menjadi alasan kepada pemilihan bahan kajian. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan tentang metod atau manhaj akidah Imam al-Syafie dalam novel *Rimba Jiwa* dan *Qalam Kalbu*, karya Sri Rahayu Mohd Yusop, seorang pengarang prolific negara yang telah banyak menerima anugerah dan memenangi hadiah dalam pertandingan terutama dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan menerusi novel-novel tulisannya.

Biodata Imam al-Syafie

Imam al-Syafie merupakan seorang tokoh agung dan sangat terkenal terutama umat Islam seluruh dunia. Beliau merupakan salah seorang daripada pengasas mazhab yang kini menjadi ikutan dan pegangan oleh masyarakat Islam. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013), Imam al-Syafie merupakan pengasas kepada Mazhab al-Syafie dan dilahirkan pada tahun 150 Hijrah, pada tahun yang sama dengan kewafatan ulama besar ketika itu, Imam Abu Hanifah, pengasas Mazhab Hanafi. Kelahiran tersebut diperkatakan oleh masyarakat bahawa seorang imam telah meninggal dunia dan lahir pula seorang imam yang lain.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013) yang memetik kenyataan Dr Ahamd Nahrawi Abdus Salam, Imam al-Syafie dilahirkan di Gaza berdekatan dengan sebuah kota yang dikenali sebagai 'Asqalan. Kebanyakan kabilah yang tinggal berhampiran dengan tempat lahir Imam al-Syafie adalah orang-orang Yaman. Imam al-Syafie hidup dalam keadaan yatim di bumi Gaza, Palestin. Sejak kecil lagi, ibu al-Syafie memindahkan anaknya ke Mekah, tempat di mana majoriti orang Quraisy berada. Beliau telah menghafaz al-Quran ketika masih muda iaitu semasa berumur tujuh tahun. Beliau hidup dalam keadaan miskin memandangkan beliau adalah anak yatim. Namun, kebesaran Allah telah menganugerah kecerdikan dan kepintaran di samping seorang ibu yang sangat prihatin menjaga dan mendidik Imam al-Ghazali.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013) lagi, dalam Imam al-Syafie, beliau sendiri telah memberikan beberapa penekanan iaitu pertama, beliau sangat memberi penekanan kepada menghafal al-Quran dengan hafalan yang tepat dan sempurna. Umum mengetahui bahawa kitab al-Quran merupakan satu pegangan yang paling selamat dan tertinggi dalam hidup seseorang yang bernama Muslim di samping as-Sunnah Rasulullah S.A.W. Jadi, tidak menjadi satu persoalan besar kenapa Imam al-Ghazali memberi lebih penekanan kepada menghafaz al-Quran dengan hafazan yang tepat dan sempurna.

Penekanan kedua dalam hidup Imam al-Ghazali ialah bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran dan juga bahasa Syurga. Bahasa Arab juga adalah asas dan kunci kepada pemahaman untuk memahami isi kandungan al-Quran dan as-Sunnah. Muslim yang inginkan penjelasan dan pemahaman yang lebih jelas dan tepat apa yang ingin disampaikan oleh Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W menerusi al-Quran dan as-Sunnah perlulah menguasai bidang bahasa Arab

Penekanan ketiga dan terakhir dalam hidup Imam al-Syafie ialah penekanan terhadap as-Sunnah peninggalan Rasulullah S.A.W. Ini dapat dibuktikan apabila beliau sudah menghafal dengan sempurna kitab al-Muwatha', karangan Imam Malik di Makkah sebelum beliau berumur 20 tahun. Kitab al-Muwatha' merupakan salah satu hasil karya Imam Malik yang membicarakan ilmu hadis dan ilmu fikah dan merupakan karya agung Imam Malik. Kitab ini juga telah disusun berpandukan kepada al-Quran, hadis dan fatwa para sahabat Rasulullah S.A.W. Selepas itu, barulah beliau bermusafir untuk menuntut ilmu dengan Imam Malik dan berhijrah ke Madinah. Semasa imam al-Syafie menuntut ilmu, beliau berulang-alik dari Makkah ke Madinah dan berjaya menghimpun serta menuntut sebanyak mungkin ilmu yang dimiliki oleh Imam Malik sehingga Imam al-Syafie menjadi rujukan dan hujjah di dalam bahasa Arab (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2013).

Pemerintahan 'Abasiyah pada masa itu telah mengadaptasi mazhab Hanafi sebagai mazhab pegangan dan para ulama mazhab Hanafi diangkat sebagai rujukan dan secara tidak

langsung sistem pemerintahan serta sistem kehakiman juga merujuk kepada mazhab Habafi. Imam al-Syafie mengambil peluang ini untuk bermusafir ke Kota Baghdad untuk menuntut ilmu daripada anak murid Imam Hanafi sendiri iaitu Muhammad bin al-Hassan al-Syaibani. Di antara ciri mazhab Hanafi ketika itu adalah memberi penekanan kepada masalah-masalah berkaitan muamalah dan juga jual beli mengakibatkan penumpuan lebih kepada bidang tersebut. Baghdad ketika itu merupakan pusat ilmu kepada umat Islam kerana ramai kalangan ulama menetap di Baghdad, dan tidak terkecuali di Baghdad Imam al-Syafie bertemu dengan Imam Ahmad, seorang ulama hadis. Kota Baghdad juga menjadi tempat Imam al-Syafie memulakan penulisan buku-buku utama beliau antaranya *al-Risalah al-Uula*, yang menghimpunkan ilmu usul fiqh dan mustalah hadis (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2013).

Imam al-Syafie mengambil keputusan keluar daripada Iraq apabila ulama Ahli Kalam dan Muktazilah berjaya menguasai keadaan di Iraq ketika itu. Kumpulan terbabit menyebarkan fahaman bahawa al-Quran merupakan makhluk dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Para ulama besar seperti Imam Ahmad dan Imam Muhammad al-Khuza'i bertindak menyanggah fahaman sesat Ahli Kalam dan Muktazilah. Seterusnya, Imam al-Syafie berpindah ke Madinah dan membaca semula kitab al-Muwattha' dan selepas itu terus bermusafir ke Mesir. Di Mesir, Imam al-Syafie mempunyai masalah iaitu terpaksa berdepan dengan fanatik dan taksuf masyarakat terhadap mazhab Imam Malik. Namun, beliau bersungguh-sungguh menyanggah sifat masyarakat tersebut dengan lisan dan tulisan beliau dan akhirnya ramai di antara masyarakat tersebut mulai sedar akan kesalahan sifat taksuf itu (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2013).

Keterbukaan Imam al-Syafie dalam menerima pelbagai bentuk ilmu menjadikan beliau begitu bersifat objektif dalam bidang keilmuan. Bukanlah satu proses yang mudah untuk kekal menghormati keilmuan aliran hadis disamping melakukan anjakan paradigma dari bawah pengaruh aliran pemikiran. Malah lebih sukar lagi untuk melakukan kompromi antara kedua-duanya dalam suasana pertentangan pendapat yang tajam berasaskan mentaliti analisis yang benar-benar komprehensif. Paling sukar ialah untuk berurusan dengan masyarakat yang ilmunan yang terdiri daripada pelbagai aliran secara dan boleh mengekalkan rasa hormat menghormati antara satu sama lain. Kemuncaknya beliau adalah seorang faqih yang mempunyai kefahaman yang sangat mendalam tentang syariat Islam (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2013).

4 Manhaj Akidah Imam al-Syafie

Perjalanan dan kembara Imam al-Syafie dalam menuntut dan mencari ilmu yang mengambil masa hampir 50 tahun telah berjaya membuatkan Imam al-Syafie menghimpunkan kata-kata ulama dan ilmu-ilmu kaedah serta prinsip akidah bagi umat Islam agar tidak terpesong dan terpengaruh dengan cabaran dan dugaan yang mampu mengganggu gugat keimanan dan keyakinan kepada Allah S.W.T. Terdapat beberapa falsafah, metod atau manhaj akidah Imam al-Syafie untuk dijadikan sebagai pegangan oleh masyarakat Islam khususnya seperti berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah, tidak menyanggahi nas dengan hujah akal, penekanan terhadap pemahaman para sahabat, menjauhi bida'ah dan ahli bida'ah serta terakhir mencintai sesama saudara Islam.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2009), manhaj pertama Imam al-Syafie dalam bidang akidah ialah berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah serta tidak menolaknya dengan takwil. Prinsip tersebut merupakan pegangan terpenting bagi al-Syafie kerana al-

Quran dan as-Sunnah merupakan sumber pertama dan kedua terbesar dalam hidup seseorang beragama Islam dan jika masyarakat Islam berpegang kepada kedua-duanya nescaya tidak akan sesat di dunia ini. Prinsip al-Syafie ini juga tidak boleh menolak suatu pun daripadanya dengan segala bentuk takwil atau penyewelengan. Beliau sangat menekankan kepada masyarakat Islam supaya berpegang dengan al-Sunnah sehingga beliau digelar sebagai Pembela Sunnah atau *Nasir al-Sunnah*.

Imam al-Syafie telah memerintahkan kepada pengikutnya supaya terus berpegang kepada al-Sunnah Nabi Muhammad S.A.W dan mengharamkan mereka yang daripada menyelisihi al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, al-Syafie juga berpegang kepada prinsip 'sekiranya hadis itu sahih, maka itulah mazhabku'. Ini dapat dibuktikan dengan memetik kata-kata beliau iaitu, "Apabila kamu mendapati bahawa kata-kataku bercanggah dengan hadis Nabi Muhammad S.A.W, maka hendaklah kamu mencampakkan kata-kataku ke dinding".

Tambahan lagi, menurut Asmawati Suhid (2009), beliau juga pernah mengatakan bahawa, "Aku beriman dengan Allah dan dengan apa yang diturunkan oleh Allah berdasarkan apa yang dikehendaki oleh Allah. Aku juga beriman dengan Rasulullah S.A.W dan apa yang dibawakan oleh Baginda mengikut apa yang dikehendaki oleh Baginda Rasulullah S.A.W". Selain berpegang kepada al-Quran, Imam al-Syafie juga menekankan kepada pegangan terhadap hadis-hadis berkaitan aspek akidah. Beliau tidak akan menolak hadis dengan takwil atau penyewelengan bahkan beliau berpegang dengan zahir nas, sejajar dengan zahir nas berdasarkan bahasa Arab dan apa yang difahami oleh Slaf al-Soleh.

Prinsip kedua manhaj akidah Imam al-Syafie menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2009), ialah tidak menyanggahi nas dengan hujah akal. Beliau mengatakan bahawa, "Seperti mana pandangan mata ada had dan batasnya, begitu jugalah dengan akal manusia memiliki had dan batasnya." Maka, di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah, nas al-Quran dan al-Sunnah sama sekali tidak akan bercanggah dengan akal manusia yang sihat. Perselisihan yang berlaku antara keduanya apabila muncul ilmu kalam, yakni pemahaman ahli kalam yang mendahulukan akal berbanding nas, tidak menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai hujah sebaliknya mereka menjadikan falsafah dan akal mereka sebagai hujah.

Islam sama sekali tidak menghalang penggunaan akal dalam membuat sebarang keputusan ataupun sebarang hujah malah diberikan kebebasan untuk menggunakan akal. Tetapi, kebebasan tersebut masih terangkum dalam batas-batas yang telah ditetapkan oleh agama Islam berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, al-Quran dan al-Sunnah juga merupakan dua benda yang berbeza namun masih mempunyai perkaitan yang erat antara satu sama lain. Kedua-duanya saling memerlukan terutama dalam aspek dan persoalan dalam al-Quran yang memerlukan kepada penjelasan secara terperinci dan itulah peranan yang dimainkan oleh al-Sunnah.

Prinsip manhaj akidah Imam al-Syafie yang seterusnya ialah penekanan terhadap pemahaman para sahabat. Penekanan terhadap perkataan atau pemahaman para sahabat amat dititiberatkan oleh al-Syafie. Beliau menjunjung tinggi kedudukan para sahabat Nabi Muhammad S.A.W dan telah banyak menghimpunkan atsar ataupun kata-kata para sahabat dan juga salaf di dalam buku karangan beliau. Beliau mengatakan bahawa, "Sesungguhnya para sahabat lebih mendahului kita kepada kebaikan berbanding kita, dan kefahaman mereka lebih baik daripada kefahaman kita."

Jika mendalami maksud sahabat, iaitu sesiapa yang mengenali dan hidup di zaman Rasulullah, membantu perjuangan Baginda dan meninggal dunia dalam keadaan Muslim, dapat difahami bahawa mereka menuntut ilmu dan sentiasa bersama Nabi Muhammad S.A.W. Oleh sebab itu, penekanan dan kefahaman mereka lebih arif dan kebaikan mereka melebihi masyarakat yang hidup selepas kewafatan Baginda Nabi Muhammad S.A.W. Penekanan kepada perkataan atau pemahaman sahabat menjadi ijma' atau kesepakatan ulama Salaf sepanjang zaman dan ini berbeza dengan pegangan ahli Bida'ah serta golongan yang mengagungkan syeikh-syeikh serta ulama mereka sendiri.

Prinsip keempat yang menjadi pegangan dan manhaj akidah Imam al-Syafie ialah menjauhi segala perkara bid'ah dan ahli bid'ah. Beliau sangat membenci bid'ah dan juga orang-orang bid'ah serta beliau tidak akan duduk bersama dengan mereka kecuali kerana darurat dan untuk mengajarkan mereka tentang ajaran agama Islam. Hal ini kerana, Imam al-Syafie gusar dan risau akan terkesan seterusnya terpengaruh dengan dakyah golongan ahli bid'ah ini.

Imam al-Syafie berkata, "Sama ada kamu berbincang dengan kami dengan cara baik ataupun lebih baik kamu beredar sahaja." Ini menggambarkan bahawa beliau sesekali tidak akan duduk bersama dengan golongan bid'ah sekiranya tanpa tujuan dan matlamat yang benar mahupun perbincangan berkaitan ilmu agama. Golongan bid'ah merupakan salah satu daripada musuh bagi penganut Islam kerana pegangan dan ajaran mereka yang menyimpang daripada ajaran agama Islam. Golongan bid'ah ini menurut Kitab Talbisul Iblis, karangan Imam Azzahabiy, mazhab Imam Hambali menjelaskan bahawa ahli bid'ah ini terdiri daripada golongan khawaarij, golongan yang menentang Sayyidina Ali, Qadariyyah, Syi'ah, Mu'tazilah dan sebagainya.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2009), prinsip kelima atau terakhir manhaj akidah Imam al-Syafie ialah mencintai sesama saudara Islam serta menjaga tali silaturrahim sesama mereka. Beliau sanggup menggadaikan hartanya pada jalan Allah S.W.T dan bersabar apabila ditimpa kemiskinan dan kecelakaan serta kesusahan. Beliau juga seorang yang menyebarkan terhadap kezaliman pemerintahan.

Seorang Muslim wajib merasa senang jika saudaranya memiliki agama yang baik serta merasa senang jika saudara seislamnya memiliki aqidah yang benar, tutur kata yang bagus dan perbuatan yang baik. Begitulah sebaliknya kerana seseorang Muslim dengan Muslim yang lain seperti dua jiwa dan jika dia mencintai saudaranya sendiri seperti dia mengasihi dirinya sendiri. Ini dapat diperkukuhkan lagi dengan maksud hadis dari Rasulullah S.A.W seperti di bawah:

Dari Abu Hamzah, Anas bin Malik radiallahuanhu, pembantu Rasulullah S.A.W, dari Rasulullah S.A.W bersabda, "Tidak beriman salah seorang di antara kamu hingga dia mencintai saudaranya seperti dia mencintai dirinya sendiri"

4 Manhaj Akidah Imam al-Syafie Dalam Novel *Rimba Jiwa Dan Qalam Kalbu*

Berdasarkan empat manhaj akidah Imam al-Syafie iaitu berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah, tidak menyanggahi nas dengan hujah akal, penekanan terhadap para sahabat dan menjauhi segala perkara bid'ah serta ahli bid'ah memperlihatkan ketegasan Imam al-Syafie

dalam menjaga dan memantapkan akidah Islam dalam diri beliau. Keempat-empat manhaj atau metod akidah Imam al-Syafie akan dihubungkan dengan dua buah novel karya Sri Rahayu Mohd Yusop iaitu Novel *Rimba Jiwa* dan *Qalam Kalbu* yang telah memenangi tempat kedua dan ketiga dalam sayembara yang disertai penulis. Terdapat beberapa cara atau metod yang telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh pemikiran dan falsafah Islam dan boleh digunapakai oleh setiap Muslim dalam mempertahankan dan memantapkan keimanan serta keyakinan terhadap ajaran Islam. Antaranya manhaj yang telah diperkenalkan oleh Imam al-Syafie ini. Pertama menurut Imam al-Syafie ialah berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah serta tidak menolaknya dengan takwil. Firman Allah S.W.T dalam Surah *al-An'aam* ayat 115 yang bermaksud:

“Dan al-Quran ini adalah kitab yang Kami turunkan yang diberkati, maka ikutilah dia dan bertaqwalah agar kamu diberi rahmat.”

Berdasarkan maksud Firman Allah S.W.T di atas dapat difahami bahawa al-Quran adalah kitab yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada umatnya untuk dijadikan panduan oleh manusia dalam menjalani kehidupan seharian sebagai hamba Allah. Kitab al-Quran juga boleh memberi rahmat kepada manusia jika manusia bertaqwa dan mengikuti apa yang terkandung di dalamnya. Selain itu, dalam Surah *an-Nisa'* ayat 59, Allah S.W.T berfirman mafhumnya:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan pemimpin di kalangan kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah yakni al-Quran dan RasulNya yakni al-Sunnah, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah S.W.T dan Hari Akhirat. Yang demikian itulebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya”

Daripada maksud ayat di atas dapat diterjemahkan bahawa segala permasalahan ataupun perselisihan pendapat, al-Quran dan as-Sunnah merupakan dua rujukan utama yang perlu Muslim kembali untuk mencari jawapan kerana semua permasalahan umat dan sebagainya terkandung di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Berpegang teguh kepada al-Sunnah adalah satu jaminan kepada keselamatan, keistiqomahan dan merupakan satu-satunya jalan untuk mencari jawapan yang sukar untuk difahami dalam al-Quran. Selain itu, Muslim juga didedahkan dengan contoh teladan yang terbaik dan boleh dijadikan panduan dalam perbuatan seharian mereka. Dalam al-Quran juga menyatakan perihal contoh teladan dan ikutan terbaik yang manusia boleh ikuti iaitu Rasulullah S.A.W sebagaimana Firman Allah dalam Surah *al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi kalian yakni bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan kedatangan Hari Akhirat dan dia juga banyak menyebut Allah.”

Berdasarkan novel *Rimba Jiwa*, berpegang kepada al-Quran dan meyakini bahawa segala ilmu yang terdapat di dalamnya merupakan satu ilmu yang benar dan ikutan yang boleh dijadikan sebagai panduan oleh setiap lapisan masyarakat. Ilmu mahupun arahan yang

terkandung adalah untuk kesejahteraan dan keseimbangan antara manusia dan alam di sekeliling. Ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

“Sebenarnya dalam kes ibu saya, ia bukan sekadar perasaan untuk menyelamatkan sesuatu. Ia sebenarnya adalah satu perintah agama. Dalam kitab suci al-Quran, telah difirmankan oleh Allah dalam surah al-A’raaf, ayat 56. Firman itu bermaksud: Janganlah kemu berbuat kerosakan di muka bumi, sesudah demikian baiknya. Bagi seorang Muslim yang memahami kandungan al-Quran, sudah pasti dia tidak akan merosakkan alam dan isinya. Bahkan seorang Muslim dilatih untuk menghormati alam dalam pelaksanaan ibadah haji. Seseorang yang berihram dilarang untuk mencabut pohon dan tidak boleh membunuh binatang. Itu jelas satu implementasi daripada ajaran dasar itu tadi. Sewaktu mengerjakan haji, ia adalah latihan. Kemudian, ia dilakukan selamanya dalam kehidupan bermasyarakat,”aku menerangkan.”

(*Rimba Jiwa*, hlm. 98-99)

Berdasarkan contoh petikan di atas dapat dilihat bahawa Jannah menjelaskan kepada Bahaduri bahawa Allah S.W.T melarang umatnya membuat kerosakan dan kebinasaan di muka bumi Allah kerana kerosakan yang berlaku akan merosakkan sistem dan alam serta isinya. Jika setiap Muslim mendalami dan memahami isi yang ingin disampaikan oleh Allah S.W.T nescaya Bumi tidak akan berlaku masalah seperti pemanasan global, banjir lumpur dan bencana-bencana lain dek kerakusan manusia itu sendiri.

Dalam novel *Qalam Kalbu* pula, terdapat juga kisah yang menunjukkan pegangan watak terhadap al-Quran. Al-Quran bukan sahaja sekadar bahan bacaan, malah umat Islam juga digalakkan supaya menghafaz dan memahami isi kandungan yang disampaikan dalam al-Quran. Kandungan yang terdapat dalam al-Quran merupakan satu panduan yang paling tepat dalam kehidupan seorang Muslim untuk mencari Syurga Allah S.W.T. Ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

“Folio al-Quran dari Afrika Utara, kurun ke sepuluh. Surat 36, ayat 67-70,” Haji Mus’ab menerangkan.
“Apakah terjemahannya, Azim?” Haji Mus’ab bertanya.
Muhammad Azim tahu yang gurunya sedang mengujinya. Dia berfikir sejenak, menyemak kembali hafazan di dalam kotak fikiran dan takar jiwanya.
“Saya cuba, Tuan Haji. Bismillahirrahmanirrahim. Maksudnya, ‘Bumi bercahaya dengan cahaya TSaya cuba, Tuan Haji. Bismillahirrahmanirrahim. Maksudnya, ‘Bumi bercahaya dengan cahaya Tuhannya, dan buku perhitungan diletakkan dan nabi-nabi dan saksi-saksi dihadirkan, lalu diputuskan hukum antara mereka itu dengan keadilan, sedang mereka tiada teraniaya. Tiap-tiap orang disempurnakan balasan

amalannya masing-masing, sedang Dia lebih mengetahui apa-apa yang mereka perbuat.”
“Alhamdulillah, Azim. Jangan dibiarkan berkarat.”
(*Qalam Kalbu*, hlm. 74)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat bahawa Muhammad Azim merupakan seorang penghafaz al-Quran dan menjaga hafazannya. Seorang penghafaz al-Quran akan dipandang mulia dan tinggi oleh masyarakat kerana ilmu dan kekuatan yang dimiliki tersebut. Ini kerana ramai yang mampu menghafaz al-Quran namun tidak ramai yang mampu mengingati dan memahami isi kandungan al-Quran tersebut.

Manhaj kedua akidah Imam al-Syafie ialah mencintai sesama saudara Islam serta menjaga tali silaturrahim sesama mereka. Umum mengetahui bahawa setiap Muslim itu bersaudara dan perlu menjadi kewajipan kepada setiap Muslim untuk menjaga tali persaudaraan atau silaturrahim tersebut. Sebagai seorang Muslim telah diperintahkan untuk merealisasikan keimanan kita dengan berbuat baik dan mencintai sesama Muslim seperti kita mencintai diri kita sendiri. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

“Salah seorang diantara kalian tidak beriman sehingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri”

(HR Bukhari dan Muslim)

Para ulama bersepakat bahawa seseorang itu tidak akan mencapai tahap keimanan yang sempurna, bukannya tidak mempunyai keimanan kerana tunjang keimanan itu sudah dicapai oleh seseorang Muslim. Hakikat penafian iman ini merangkumi iman secara keseluruhannya atau secara zahirnya menafikan kesempurnaan iman seseorang Muslim. Hal ini kerana, perbuatan yang akan mengakibatkan pelaku dinafikan keimannya apabila melakukan amalan yang membawa kepada kekafiran dan dosa besar. Oleh hal demikian, penafian iman dalam hadis di atas bermaksud menafikan kesempurnaan iman seseorang dan bukannya terhapus keimanan secara keseluruhannya.

Namun, hakikatnya setiap Muslim perlu sedar bahawa mereka seharusnya tidak memustuskan hubungan sesama manusia walaupun berlainan pendapat, fahaman dan warna kulit. Dari aspek mendahulukan kepentingan saudara seagama juga termasuk dalam perbuatan yang terpuji dan disunahkan, tetapi merangkumi urusan keduniaan sahaja. Untuk urusan akhirat pula, mendahulukan saudara seagama tergolong dalam perbuatan makruh dilakukan oleh seseorang Muslim. Secara kesimpulan berdasarkan hadis riwayat Bukhari dan Muslim dapat difahami bahawa seseorang Muslim dengan Muslim lain bagaikan satu jiwa dan saling mencintai antara satu sama lain atas dasar agama Islam. Selain itu, perasaan hasad dengki perlu dijauhi terutama melibatkan saudara seislam dan keimanan seseorang dapat bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan melakukan kemaksiatan. Kepentingan hubungan sesama manusia ini dapat dilihat menerusi firman Allah dalam *Surah an-Nisa'* ayat 199 yang bermaksud:

“Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembangbiakkan laki-laki dan

perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu”

Berdasar firman Allah S.W.T. di atas dapat difahami bahawa seseorang Muslim itu perlu untuk menjaga hubungan sesama manusia selain daripada menjaga hubungan dengan Allah. Oleh itu setiap Muslim perlu menjaga kepentingan kedua-dua hubungan tanpa mengabaikan salah satu daripada hubungan tersebut. Antara hubungan manusia sesama manusia dapat dilihat menerusi tindakan atau tingkah laku seperti ikhlas, hormat-menghormati seagama atau tidak, kasih sayang dan sebagainya.

Berdasarkan novel *Rimba Jiwa*, perhubungan manusia dengan manusia melalui watak Jannah semasa mula-mula memasuki kelas di sekolah barunya. Sikapnya yang ramah membuatkan mudah untuk didekati dan dikenali oleh pelajar lain. Sikap ramah Jannah sesama manusia harus dijadikan contoh oleh semua Muslim supaya dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera tanpa ada pergaduhan, perbalahan dan sebagainya. Sikap Jannah yang berkenalan dengan kawan barunya merupakan satu contoh bagaimana cara untuk memulakan perhubungan sesama Islam mahupun dengan masyarakat beragama lain. Ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

“Saya Jannah.” Aku menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan pelajar-pelajar itu.

“Saya Pelangi,” seorang pelajar perempuan yang rambut hitamnya diikat cara tocang dan berbaju kurung memperkenalkan diri.

“Saya Sarah,” kata pelajar perempuan bertudung hijab dan berpakaian seragam Pengawas Pusat Sumber.

(*Rimba Jiwa*, hlm. 29)

Seterusnya dalam novel *Qalam Kalbu* juga turut memaparkan aspek ibadah menerusi perhubungan manusia dengan manusia melalui watak Muhammad Azim yang menolong Trease Munro yang berada dalam keadaan yang tidak selesa dengan bekas kekasihnya, Zander. Muhammad Azim yang melihat keadaan Trease Munro menampilkan bantuan dengan menyapa mereka dan terbukti tindakan Muhammad Azim telah berjaya menyelamatkan Trease Munro daripada Zander. Perhubungan manusia sesama manusia dapat dilihat menerusi sikap tolong-menolong yang dipamer oleh Muhammad Azim memperlihatkan perbuatan atau tingkah laku yang patut dicontohi oleh setiap Muslim. Ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

“Maafkan saya, saya nampak Doktor Munro tidak berapa selesa dengan lelaki tadi – Zander?”

“Terima kasih. Firasat awak tepat sekali.”

“Gembira yang saya boleh membantu”

(*Qalam Kalbu*, hlm. 117)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat sikap dan contoh yang baik ditunjukkan oleh Muhammad Azim. Walaupun berlainan agama, sikap tolong-menolong terus diamalkan dan

secara tidak langsung memperlihatkan keindahan dan kesopanan ajaran agama Islam kepada masyarakat bukan Islam.

Manhaj akidah Imam al-Syafie yang seterusnya ialah tidak menyanggahi nas dengan hujah akal. Seperti yang telah sedia maklum bahawa di muka bumi Allah ini dipenuhi dengan makhluk ciptaan-Nya dari yang bernyawa dan akan menemui kematian sehinggalah ciptaan Allah S.W.T seperti batu, air dan sebagainya. Namun, daripada kesemua makhluk tersebut hanya satu makhluk yang mendapat keistimewaan yang tidak belah bahagi iaitu penciptaan yang sempurna termasuk akal yang telah dikurniakan kepada manusia. Akal manusia merupakan aspek ruhaniah dan roh merupakan aspek terpenting bagi makhluk yang bernyawa. Tujuan penganugerahan akal fikiran kepada manusia adalah untuk manusia mengolah dan berfikir berkaitan tugas yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T sebagaimana yang terkandung dalam Surah *al-Baqarah* ayat 30 yang bermaksud:

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seseorang sebagai khalifah di muka bumi.” Mereka berkata, “Mengapa Engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, sedangkan kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau?” Allah berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui.”

Manusia telah diberikan kebebasan untuk menggunakan akalinya untuk menjalani kehidupan seharian. Akal dapat membimbing manusia ke jalan yang benar jika digunakan dengan baik manakala sebaliknya jika digunakan dengan cara yang salah. Umat Islam juga dituntut supaya menggunakan akal untuk mendalami dan memahami ayat-ayat Allah S.W.T baik yang tersirat mahupun tersurat kerana al-Quran itu diturunkan juga untuk menggalakkan manusia menggunakan akal mereka untuk memahami isi kandungan.

Berdasarkan novel *Rimba Jiwa*, penggunaan akal yang baik mampu untuk menghasilkan satu keputusan yang cemerlang. Manfaat penganugerahan akal ini digunakan sebaiknya agar dapat mengelakkan daripada berlakunya pencerobohan di muka bumi ini dan seterusnya mencegah daripada kerosakan akibat tangan-tangan jahat manusia itu sendiri. Akal juga perlu digunakan sebaiknya untuk mentafsir amaran atau teguran bagi mengelakkan daripada berlakunya kecelakaan atau kemalangan. Ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

“Memang betul pun. Kimia, Biologi, Pendidikan Islam. Akan tetapi, fikiranku tidak ditumpukan kepada usaha untuk menyiapkan kerja rumah. Aku asyik berfikir tentang cabaran yang diluahkan oleh Bahaduri. Aku mengucapkan selamat tinggal kepada ibu. Aku cuba melelapkan mata tetapi fikiranku yang bercelaru tidak mengizinkan aku tidur. Kemudian aku abngkit dan bersiap sedia dengan bekalan. Aku bawa roti...”

(*Rimba Jiwa*, hlm. 42)

Dari petikan di atas menunjukkan bahawa Jannah telah melakukan kesilapan apabila menggunakan akal dengan cara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Jannah tidak menghiraukan teguran dan amaran yang diberikan oleh Bahaduri malah menganggap itu satu cabaran Bahaduri terhadap dia. Akhirnya Jannah telah mengikuti akal dan kemahuannya masuk ke dalam rimba dan telah dikejar oleh pemburu haram. Inilah akibat jika seseorang manusia itu tidak menggunakan akal yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Seterusnya dalam novel *Qalam Kalbu* juga terdapat penggunaan akal yang mampu membawa manusia sama ada ke arah kebaikan ataupun ke arah kerosakan. Allah S.W.T telah memberikan kelebihan kepada manusia untuk menggunakan akal fikiran yang diberikan dengan sebaik mungkin supaya mengelakkan diri daripada malapetaka dan bencana seterusnya membawa kebahagiaan dalam kehidupan seharian. Ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

“Mahukah ayah saya musnahkan hubungan suci ini dengan permainan usik-mengusik melalui mesej teks dan bertemu di tempat-tempat makan dan libur tanpa pengetahuan ayah? Jika ayah sendiri yang menjadi wakil kepada Sarah, bukankah itu lebih baik? Sarah tahu jodoh itu di tangan Allah Subhanahu Wa Taala. Tetapi ini adalah ikhtiar yang saya fikir bersesuaian dengan batas-batas yang digariskan syariat,” Puteri Sarah menerangkan tanpa sangsi walau sesaat pun.

(*Qalam Kalbu*, hlm. 20)

Berdasarkan petikan di atas dapat difahami bahawa perbuatan Sarah yang didahului dengan pemikiran dan ilmu mencegah dia daripada terjerumus ke dalam lembah kemaksiatan dan melakukan dosa. Perbuatan yang didasari dengan akal fikiran dapat menjadikan Sarah seorang anak yang solehah dan menjaga syariat sebagai seorang Islam.

KESIMPULAN

Berdasarkan pengkajian manhaj akidah Imam al-Syafie telah menemukan empat manhaj iaitu berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah, tidak menyanggahi nas dengan hujah akal, penekanan terhadap para sahabat dan menjauhi segala perkara bid'ah serta ahli bid'ah. Penulis melalui garapan watak dan perwatakan dalam novel *Rimba Jiwa* dan *Qalam Kalbu* telah memperlihatkan kepentingan menjaga serta memantapkan pegangan akidah khususnya kepada khayalak pembaca yang beragama Islam melalui manhaj Imam al-Syafie. Garapan idea pengarang bertepatan dengan manhaj akidah yang diperkenalkan oleh Imam al-Syafie dalam menjaga dan memelihara akidah umat Islam. Garapan idea Sri Rahayu dalam karya beliau secara tidak langsung dapat mengajar masyarakat dan pembaca akan kepentingan penjagaan akidah sebagai seorang Muslim. Pembacaan terhadap kedua-dua novel Sri Rahayu Mohd Yusop memberi gambaran awal terhadap empat manhaj atau metod akidah yang diamalkan oleh Imam al-Syafie dalam memantapkan akidah dan pegangan ajaran Islam supaya tidak mudah terpedaya dengan bisikan iblis.

Sebagai seorang hamba Allah yang berpegang teguh kepada ajaran Islam memerlukan kepada akidah yang kukuh tanpa perasaan syak wasangka dan was-was terhadap Allah seperti yang digambarkan oleh penulis menerusi watak dalam novel *Rimba Jiwa* dan *Qalam Kalbu*.

Kepercayaan kepada al-Quran dan as-Sunnah yang menjadi penyuluh hidup setiap Muslim sehingga dijanjikan tidak akan sesat seseorang Muslim itu selagi mereka berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah. Ini memperlihatkan kepentingan al-Quran dan as-Sunnah dalam kehidupan seseorang umat Islam. Segala ajaran agama Islam sempurna dengan kedua-dua sumber tersebut dan tidak perlu mendahulukan hujah akal dalam membuat sebarang keputusan atau perbuatan dalam kehidupan seharian.

Karya kesusasteraan seperti hasil Sri Rahayu Mohd Yusop ini perlu diperluaskan lagi kepada masyarakat umum terutama beragama Islam untuk mengekang sifat-sifat keji yang semakin meluas dan menular dalam kehidupan masyarakat ini. Perkara dan sifat mahmudah yang dituntut dalam agama perlu diajar dan didedahkan kepada masyarakat dan pembaca supaya dapat menyedarkan masyarakat berkaitan kerosakan dan pencerobahan agama yang telah dilakukan mereka secara sedar ataupun tidak. Perbuatan seperti membaca dan memahami al-Quran, menjaga tali persahabatan dan sebagainya mampu dilaksanakan dengan baik oleh masyarakat bagi menghakis sifat-sifat yang membawa mereka kepada keazaban di akhirat kelak.

Perkara paling penting dalam sesebuah karya kesusasteraan khasnya adalah garapan pengarang yang mampu membawa masyarakat dan pembaca kembali kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah dan tidak lari daripada kedua-dua sumber tersebut. Cetusan idea tersebut juga mampu dan dapat mengasuh keperibadian seseorang Muslim dan mendidik hati supaya mencintai kebenaran, kebaikan dan keindahan terhadap Yang Maha Pencipta. Sesebuah karya itu lebih indah jika mampu untuk menarik masyarakat bukan Islam untuk mendekati, mengenali seterusnya bergelar sebagai seorang Muslim.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd. Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fathi Yakan. 2000. *Apa Ertinya Saya Menganut Islam?* Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Haji Said Haji Ibrahim. 1998. *Aqidah Ahlu al-Sunnah wa al-Jamaah*. Kuala Lumpur: Darul Makrifah.
- Kamariah Kamarudin. 2016. "Tazkiyah al-nafs dalam Novel Pasir Lintang". Dalam *Manu*. Bil. 23: 85-109.
- Koentjaraningrat. 1977. *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. 2012. *Rimba Jiwa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. 2013. *Qalam Kalbu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri *et al.* (terj.). 2009. *al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2013. *Imam al-Syafie*. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.